



Tarikh : 1 Oktober 2022

## MBPJ ANJUR PJ CAR FREE DAY 2022

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) meneruskan lagi usaha untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya hijau dan mampan melalui program PJ CAR FREE DAY atau Hari Tanpa Kenderaan Petaling Jaya pada 1 Oktober 2022 (Sabtu), bermula jam 7.00 pagi hingga 1.00 tengah hari.

Penganjuran program itu merupakan usaha MBPJ untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai bandar raya hijau dan mampan di samping mengajak penduduk tempatan untuk bersama-sama memelihara tenaga dan sumber bagi mengurangkan penggunaan kenderaan supaya dapat mengawal pencemaran udara di bandar. Program ini juga selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor bagi mengurangkan penggunaan karbon secara holistik.

Selain itu, MBPJ berhasrat untuk mengadakan program ini pada setiap minggu pertama pada setiap bulan. Dalam pada itu, penganjuran program ini turut memberikan peluang kepada masyarakat awam untuk melakukan aktiviti komuniti bersama keluarga di sekitar Pusat Bandar Petaling Jaya. Antara aktiviti menarik telah diadakan Run Walk Run 45, Senaman Zumba, Laughing Yoga, Aktiviti Berbasikal, Klinik Larian dan pelbagai lagi.

Majlis berharap menerusi program ini, masyarakat akan menyokong usaha Majlis dalam merealisasikan mencapai matlamat bandar raya berkarbon rendah, hijau dan bebas halangan.

Di samping itu, MBPJ juga ingin menyeru orang ramai agar mengutamakan penggunaan pengangkutan awam dan menukar mod perjalanan daripada kenderaan bermotor kepada *green active transportation* seperti berbasikal dan berjalan kaki.

Sasaran Majlis pada masa akan datang ialah masyarakat setempat lebih mengutamakan penggunaan kemudahan pengangkutan awam, berbasikal, berkenderaan hybrid dan lain-lain inisiatif yang mesra alam sekitar.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695





Tarikh : 5 OKTOBER 2022

# KENYATAAN AKHBAR

## MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGANU MEMETERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BANDAR PERSAHABATAN (FRIENDSHIP CITY)

**PETALING JAYA, 5 OKTOBER 2022** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) hari ini memeterai satu Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh YBrs. Tuan Mohamad Azhan bin Md. Amir, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan YBrs. Tuan Haji Rosli bin Latif, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan disaksikan oleh YBrs. TPr. Hajah Sharipah Marhaini binti Syed Ali, Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan YBrs. Mohd Sukeri bin Ibrahim, Setiausaha Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Antara bidang kerjasama yang dipersetujui oleh MBPJ dan MBKT melalui MoU ini adalah Pelan Strategik Bandaraya Mampan, Tadbir Urus Baik, Kompetensi Warga Kerja, Kepimpinan Pelajar, Komuniti & NGO, Keusahawanan, Kesenian, Kebudayaan & Pelancongan serta Hal Ehwal Lain yang dipersetujui secara bersama. Kesemua aspek yang dipersetujui ini adalah berdasarkan kepada konsep "Friendship City" di mana kerjasama ini melibatkan perkongsian idea, pengalaman, amalan baik (best practices) dan kerjasama sesama PBT di Malaysia.

Memorandum Persefahaman ini akan berkuatkuasa mulai dari tarikh ia ditandatangani oleh kedua-dua pihak bagi tempoh lima (5) tahun. Dalam pada itu, MBPJ dan MBKT bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Bersama yang akan bertindak sebagai Penyelaras untuk mencapai hasrat dan tujuan yang telah dipersetujui.

Kerjasama ini dijangka menyokong pembangunan pakar bidang kedua-dua belah pihak dan memberi nilai tambah dalam pertukaran ilmu pengetahuan dan amalan terbaik, pengalaman dan kepakaran melalui inisiatif bersama untuk merangsang tadbir urus yang baik.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



risiko dan kerosakan akibat penglibatan dalam rasuah, di samping mempromosi kepercayaan dan keyakinan dalam tadbir urus dan meningkatkan reputasi perkhidmatan yang baik. Pelaksanaan ABMS membuktikan MBPJ komited terhadap integriti yang tinggi dan juga boleh dipercayai untuk membangun dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang lain.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



termasuk intipan, pemantauan melalui CCTV, kompaun dan pendakwaan selari dengan tema ‘**ANDA DIPERHATIKAN**’ ke atas stake holders yang masih gagal mematuhi undang-undang.

Majlis berharap agar *stake holders* di Petaling Jaya sentiasa menitikberatkan aspek kebersihan dan keindahan bandar raya pada masa hadapan. Bagi mencapai hasrat ini, masyarakat perlu berpegang teguh kepada sikap bertanggungjawab serta *sense of belonging* dalam memastikan kawasan persekitaran sentiasa bersih.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



kepada semua pemegang lesen agar dapat memperbaharui lesen perniagaan sebelum atau pada 31 Disember 2022 bagi mengelakkan caj denda lewat yang akan dikenakan.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (8)

Tarikh: 28 Oktober 2022

## KERJASAMA SEMUA PIHAK BANTU KAWAL KES DENGGI DI PETALING JAYA

Negeri Selangor mencatatkan bilangan kes demam denggi tertinggi dengan 748 kes pada minggu epid ke-39 iaitu dari 25 September hingga 1 Oktober 2022. Antara faktor peningkatan kes adalah perubahan fasa peralihan Monsun Timur Laut dari awal Oktober hingga awal November yang menyebabkan peningkatan taburan hujan dan angin kencang.

Atas asas ini, masyarakat perlu peka dan cakna tentang kebersihan di persekitaran tempat kediaman mereka. Sebagai contoh, bekas-bekas yang berpotensi sebagai tempat pembiakan nyamuk perlu dihapuskan. Majlis juga berharap usaha kolektif dan bersepadau oleh semua pihak sangat perlu bagi menjamin kejayaan pencegahan denggi secara berterusan. Sebenarnya jika kita prihatin, pelbagai kaedah boleh dilakukan bagi mencegah penyakit ini termasuk:

- i. ii) Menggunakan semburan serangga untuk membunuh nyamuk
- ii. iii) Mengambil langkah melindungi diri untuk mengelakkan gigitan nyamuk seperti memasang ubat lingkaran nyamuk dan ubat nyamuk elektrik di kawasan tertutup.

Selain itu, pengetahuan tentang habitat, kitar hidup serta bahaya gigitan nyamuk dalam kalangan masyarakat adalah sangat penting bagi membanteras perebakkan ketara kes denggi.

Menyahut seruan tersebut, satu operasi pembersihan bersepadau telah dijalankan di Apartment Pelangi Damansara Blok A, B dan C yang merupakan antara kawasan wabak denggi. Operasi yang melibatkan hampir 100 orang anggota dari beberapa jabatan dalaman Majlis bersama sukarelawan lebih

memfokuskan kawasan kebun di bawah rentis TNB dan sekitar blok. Sebanyak 1.24 tan sampah telah dikeluarkan hasil operasi tersebut. Selain melakukan pembersihan tersebut, Majlis turut membuat semburan BTI (*Bacillus Thuringiensis Israensis*) menggunakan mesin semburan mistblower di kawasan tersebut sebagai salah satu usaha pembasmian pembiakan nyamuk Aedes.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



insentif yang telah diberikan oleh Majlis adalah memudahcara proses permohonan lesen perniagaan, membenarkan tuntutan remisi cukai taksiran sekiranya premis tidak dapat digunakan, menyediakan pelbagai platform untuk bermiaga melalui program pembangunan usahawan tanpa mengabaikan keselamatan dan kebersihan persekitaran tempat bermiaga. Insentif-insentif ini akan sentiasa ditambah baik dengan matlamat untuk meningkatkan semula kelangsungan ekonomi di Petaling Jaya.

Selain itu, kemudahan infrastruktur akan sentiasa diselenggara dengan berkesan dan baik oleh Majlis. Majlis akan memantau dan memastikan pemaju yang melaksanakan projek-projek pembangunan serta kontraktor yang dilantik diserahkan projek dengan terma kontrak yang jelas. Kontraktor pula mestilah berwibawa, berkelayakan dan mampu melaksanakan kerja-kerja di tapak, tiada isu-isu kelewatan dan ketidak sempurnaan kerja, masalah pembayaran dan sebagainya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



# KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/1 JILID 1 (10)

Tarikh: 28 Oktober 2022

## MAKLUM BALAS ADUAN SAMPAH MERCUN DI PADANG ASTAKA

Bertindak dari aduan yang diterima berkaitan sampah yang bertaburan di sepanjang jalan di Padang Astaka, Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melakukan kerja-kerja pembersihan di kawasan tersebut yang dilakukan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab.

Hasil penemuan di lokasi, sampah yang terhasil di kawasan itu merupakan sampah aktiviti pembakaran mercun yang dilakukan oleh orang awam.

MBPJ menggesa orang ramai khususnya warga Petaling Jaya untuk mengubah mentaliti membuang sampah merata dan perkara ini tidak sepatutnya ada dalam kalangan warga Petaling Jaya yang sentiasa mahukan kehidupan sihat dan sejahtera.

Majlis telah berusaha sebaik mungkin untuk menjaga serta mengindahkan kawasan-kawasan rekreasi ini untuk keselesaan dan kesejahteraan bersama tetapi ada segelintir yang masih berfikiran tidak sihat.

Sikap dan mentaliti ini perlu diubah, sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab, kebersihan persekitaran Bandar Raya Petaling Jaya akan terus jadi keutamaan.

Majlis ingin menasihatkan orang ramai supaya sentiasa memelihara kebersihan alam sekitar agar ianya sentiasa berada dalam keadaan bersih,ceria, teratur serta menarik.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



# مجالس بنداراي فتالیغ جايا

## MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my



Pihak Majlis juga telah menyusun strategi untuk melaksanakan program ini seperti:

- i. **Galakan kepada pengusaha kedai untuk menjaga kebersihan dan mengambil maklum situasi sampah di hadapan halaman kedai masing-masing;**
- ii. **Intipan di lokasi;**
- iii. **Notis peringatan pematuhan (npp);**
- iv. **Pemantauan melalui cctv / speaker di sekitar lokasi projek perintis;**
- v. **Tindakan kompaun dan pengaduan mahkamah**
- vi. **Implimentasi kaedah bayaran secara cashless.**
- vii. **Skim perakuan kepada orang awam dan pengusaha kedai yang menunjukkan amalan kebertanggungjawaban yang tinggi dalam aspek pengurusan sampah, 3r, keceriaan dan kebersihan; dan**
- viii. **Hebahan dan pemakluman secara meluas.**

Undang-undang yang akan diguna pakai pula adalah seperti berikut:

- i. **Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171);**
- ii. **Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MBPJ) 2007; dan**
- iii. **Undang-undang Kecil Mencegah Kekotoran (MBPJ) 1999.**

Majlis berharap melalui program ini dapat meningkatkan imej Majlis sebagai bandar raya bersih menjelang 2030, mengurangkan kos operasi pembersihan, dan meningkatkan pematuhan kepada Akta dan Undang-undang serta membudayakan sikap menjaga kebersihan di kalangan pemegang taruh di Petaling Jaya.

Dikeluarkan oleh.

**Sekretariat Media  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695